

KOCAKAN HUJAN 3 JAM

■ 190 penduduk dipindahkan ke pusat pemindahan akibat air sungai berdekatan melimpah

Oleh Adnan Ibrahim
am@hmetro.com.my
Simpang Renggam

Hujan lebat selama tiga jam memaksa seramai 190 orang membabitkan 40 keluarga dari lapangan kampung, di sini, dipindahkan akibat banjir, kelmarin.

Daripada jumlah itu, seramai 12 keluarga membabitkan 62 orang dari Kampung Kolam Air dipindahkan antara jam 3.30 hingga 4.30 pagi, semalam, selepas air Sungai Benut naik mendadak bermula

“Berikutan keadaan cuaca tidak menentu dalam masa terdekat ini, mereka yang tinggal di kawasan mudah dinaiki air diingatkan sentiasa berhati-hati dengan menyimpan semua dokumen penting di tempat selamat”

Mohd Fuad Radzuan

jam 8.30 malam, kelmarin.

Pegawai Daerah Kluang Mohd Fuad Radzuan berkata, kejadian berpunca daripada hujan lebat selama tiga jam bermula jam 3.30 petang, kelmarin, menyebabkan air sungai yang terletak berhampiran kampung terbabit melimpah.

Katanya, semua mangsa dipindahkan ke Dewan Orang Ramai Kampung Kolam Air oleh Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) yang bertindak se-

baik mendapat maklumat daripada penduduk.

“Turut dibuka dua pusat pemindahan banjir di Sekolah Kebangsaan Seri Kencana, Machap dengan 13 keluarga membabitkan 54 orang dan Balai Raya Kampung Palembang, Machap iaitu 15 keluarga membabitkan 74 mangsa.

“Semua mangsa yang dipindahkan mendapat bantuan awal daripada Jabatan Kebajikan

Masyarakat Daerah Kluang yang membekalkan kit banjir selain pengawasan berterusan oleh JPAM,” katanya.

Menurut Mohd Fuad, kampung lain yang terjejas banjir ialah Kampung Sri Ampangan, Kampung Pisang, Kampung Haji Noor, Kampung Batu 6, Kampung Sungai Rambai, Kampung Parit Jepun dan Kampung Paya Mas.

“Sehingga jam 12 tengah hari ini (semalam), air di Su-

ngai Benut masih berada di paras bahaya iaitu 6.52 meter manakala bacaan paras air di Empangan Machap masih dalam keadaan berjaga-jaga iaitu 16.83 meter.

“Berikutan keadaan cuaca tidak menentu dalam masa terdekat ini, mereka yang tinggal di kawasan mudah dinaiki air diingatkan sentiasa berhati-hati dengan menyimpan semua dokumen penting di tempat selamat selain mematuhi arahan pemindahan daripada pihak berkuasa,” katanya.



AIR Sungai Benut yang melimpahi tebing memenuhi kawasan perumahan di Kampung Kolam Air, Simpang Renggam.